

Ⓢ Mahathir - pingat

UM 20 SEP 1994

Dr. Mahathir dianugerahkan pingat emas WHO

KUALA LUMPUR 19 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini dianugerahkan pingat emas Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai pengiktirafan kepada kejayaan negara dalam program-program kesihatan.

Anugerah itu telah disampaikan oleh Ketua Pengarah WHO, Hiroshi Nakajima pada sesi ke-45 mesyuarat Jawatankuasa WHO bagi Pasifik Barat, di sini, hari ini.

Ketika menyampaikan penghargaan-

annya pada majlis itu, Pengarah Rantau WHO/WPRO, Dr. S.T. Han berkata, kejayaan Malaysia dalam bidang penjagaan kesihatan yang kini menjadi contoh kepada negara membangun lain adalah hasil usaha Dr. Mahathir.